



DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MALAYSIA

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**ARAHAN MENTERI MENGENAI PEMBATALAN ARAHAN MENTERI MENGENAI
PENGUNAAN SPEKTRUM DI DALAM JALUR FREKUENSI
703MHz HINGGA 743MHz BERPASANGAN DENGAN 758MHz HINGGA
798MHz, ARAHAN NO. 19 TAHUN 2017**

ARAHAN MENTERI NO. 2 TAHUN 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 dan 8 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] ("Akta"), Menteri mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya seperti berikut:

Nama dan Tarikh Kuat Kuasa

1. Arahan ini bolehlah disebut sebagai **Arahan Menteri Mengenai Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703MHz Hingga 743MHz Berpasangan Dengan 758MHz Hingga 798MHz, Arahan No. 19 Tahun 2017, Arahan Menteri No. 2 Tahun 2020.**
2. Arahan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan ini didaftarkan.

Tafsiran

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa terma hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada Akta atau perundangan subsidiari yang relevan di bawahnya.

Pembatalan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703MHz Hingga 743MHz Berpasangan Dengan 758MHz Hingga 798MHz, Arahan No. 19 Tahun 2017

4. Berdasarkan seksyen 7 dan 8 Akta, Menteri dengan ini membatalkan Arahan Menteri Mengenai Penggunaan Spektrum Di Dalam Jalur Frekuensi 703MHz Hingga 743MHz Berpasangan Dengan 758MHz Hingga 798MHz, Arahan No. 19 Tahun 2017.

Tarikh: **15 MEI 2020**
[KKMM.BKM(CS).600-1/6/2(2)]

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia